

21

SOALAN NO: 52

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]

TARIKH : 29 Mac 2018

SOALAN : PR-1361-L05197

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]

minta MENTERI PERTANIAN DAN

INDUSTRI ASAS TANI menyatakan

peranan agensi FAMA yang

membantu menstabilkan harga

pengeluaran buah mempelam

harum manis yang agak berbeza

dengan harga yang dijual oleh

penduduk tempatan dan apakah kesan

sampingan yang akan merugikan

kepada pengusaha-pengusaha

mempelam harum manis untuk masa

akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam membantu menstabilkan harga pengeluaran buah mempelam harum manis, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui agensi yang berkaitan telah mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis dalam menetapkan harga ladang yang mengambilkira kos pengeluaran semasa mempelam harum manis. Stesen Pertanian Bukit Bintang dijadikan penanda aras kepada pengusaha dalam menentukan harga mempelam harum manis. Perbezaan harga jualan buah mempelam harum manis adalah disebabkan oleh perbezaan kualiti buah dan kaedah pengurusan yang dilakukan oleh pengusaha.

Selain itu, pelbagai jenis promosi mempelam harum manis telah dilaksanakan menerusi radio dan penggunaan media sosial, jualan secara *on-line* melalui portal *Agrobazaar Online*, mewujudkan sebanyak 25 lokasi jualan mempelam harum manis di kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang, Melaka serta dipasarkan di hotel bertaraf lima bintang, kawasan-kawasan pelancongan, lapangan terbang dan gedung perniagaan.